



# Pastikan Benar Bernama.com

MENU

## BookDoc, Sun Life Malaysia galak gaya hidup sihat dengan SunActiv app

Tarikh kemaskini: 27/04/2018

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Sun Life Malaysia menjalin kerjasama dengan BookDoc baru-baru ini bagi mewujudkan masyarakat yang lebih mementingkan kesihatan melalui aplikasi mudah alih ganjaran kesihatannya - SunActiv.

SunActiv, program yang dibangunkan oleh BookDoc, menawarkan ganjaran yang besar untuk pengguna aktif di mana apa yang mereka perlu lakukan hanya berjalan dan kekal aktif.

Diperkenalkan di bawah strategi 'Hidup Sihat', Sun Life Malaysia menyasar untuk menggalakkan pelanggannya menjalani gaya hidup yang aktif dan sihat.

Acara simbolik telah diadakan semasa pameran bergerak 'Brighter Lives' Sun Life Malaysia di The Curve, Mutiara Damansara, Petaling Jaya pada 21 April.

Turut hadir ialah Raymond Lew, Ketua Pegawai Eksekutif, Presiden dan Ketua Sun Life Malaysia, Datuk Chevy Beh, pengasas BookDoc, dan lebih daripada 50 anggota pengurusan serta wakil kedua-dua organisasi.

"Sun Life Malaysia amat berbesar hati untuk menjalin kerjasama dengan BookDoc bagi meningkatkan kedudukan nilai pelanggan kami melalui SunActiv. Kami adalah penanggung insurans yang bertanggungjawab, bukan sahaja melindungi keperluan perlindungan dan kewangan pelanggan, tetapi juga kesihatan dan kesejahteraan mereka.

"Direka untuk kesederhanaan dan kemudahan penggunaan, SunActiv akan menggalakkan pelanggan kami kekal aktif dan hidup sihat kerana setiap langkah yang mereka ambil akan dikira untuk menebus ganjaran gaya hidup yang hebat," kata Raymond Lew dalam satu kenyataan yang dihantar kepada Bernama.

Sementara itu, Beh berkata: "BookDoc berbesar hati dapat bekerjasama dengan Sun Life Malaysia untuk membantu orang ramai lebih menjaga kesihatan mereka. Ramai mengetahui bahawa pencegahan lebih baik daripada mengubati tetapi malangnya, mereka tidak mengambil tindakan proaktif untuk menjalani kehidupan yang sihat sehinggalah sesuatu berlaku kepada orang yang disayangi atau diri mereka sendiri.

"Kami berharap melalui kerjasama dengan Sun Life Malaysia, kami dapat membantu mendorong perubahan positif ke dalam kehidupan orang ramai."

Melalui aplikasi mudah alih semasa BookDoc Activ, pengguna akan diberi ganjaran oleh peruncit dan penyedia perkhidmatan utama melalui diskaun di atas pencapaian berdasarkan tahap aktiviti mereka.

Antara rakan ganjaran ialah Zalora, Fave (Groupon), Guardian, Secret Recipe, Old Town White Coffee, serta Coffee Bean and Tea Leaf

Aplikasi SunActiv boleh didapati untuk dimuat turun di Google Play Store dan Apple App Store.

-- BERNAMA

## Berita Utama Terdahulu

- Kerajaan mampu sediakan pembangunan kerana negara tidak gagal, bankrap
- Najib lawat Klinik Desa Puncak Alam
- Nurul Izzah tukar kawasan kerana takut - Najib
- Pengundi diminta tolak politik kekerasan, maki hamun - Ahmad Zahid
- BN hidu taktik pembangkang 'hantar' Tun M ke hospital

▼ iklan



**Utama | Am | Politik | Ekonomi | Sukan | Rencana | Dunia | Arkib | Siaran Media Eksklusif | Suapan RSS | Laman Web Korporat | IMAGES**

© 2018 BERNAMA. Semua Hak Cipta Terpelihara. Penafian | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan Bahan ini tidak boleh diulang terbit, ulang siar, tulis kembali atau diulang edar melainkan dengan kebenaran bertulis dari pihak BERNAMA.

Paparan terbaik menggunakan Firefox 58.0.1 (64-bit) & Chrome Version 63.0.3239.132 (Official Build) (64-bit) dalam resolusi 1920 x 1080 piksel

**Hubungi kami : 03-2691 9955/03-2693 9933 (Am), 03-2050 4466 (Produk/Perkhidmatan) | E-mel :  
portal@bernama.com**